

06 APR 1996

LEAD Umno - Pemilihan

DAFTAR CALON DAN TEMPOH KEMPEN DIPERKENALKAN UNTUK PEMILIHAN UMNO

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Anggota UMNO yang berminat bertanding sebarang jawatan parti pada pemilihan Oktober ini dikehendaki mendaftar nama dengan ibu pejabat parti mulai Isnin ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata mereka diberi tempoh satu bulan untuk mendaftar dan ia perlu dibuat sendiri.

Mereka yang tidak mendaftar tidak dibenarkan bertanding walaupun mendapat pencalonan daripada bahagian untuk apa-apa jawatan, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Seseorang anggota boleh mendaftar untuk lebih daripada satu jawatan.

Mesyuarat hari ini juga menetapkan bahawa kempen hanya boleh dibuat mulai 1 Julai sehingga pemilihan diadakan pada 9-12 Okt.

"Dari sekarang tidak akan ada apa-apa kempen yang dibenarkan. Ini bermakna lawatan ke bahagian oleh mana-mana pihak dilarang melainkan ke bahagian sendiri," katanya.

Mulai Isnin ini juga, Perdana Menteri berkata badan-badan perhubungan Umno negeri tidak boleh mengadakan acara yang boleh ditafsirkan sebagai kempen.

"Bila kita ada kempen nanti, kita akan tentukan semua yang menjadi calon akan dapat peluang berjumpa bahagian dan perhubungan," katanya.

Inilah kali pertama Umno memperkenalkan peraturan pendaftaran calon dan tempoh berkempen. Ketika ditanya mengapa langkah itu dibuat, Dr Mahathir berkata:

"Ada sungutan bahawa ada orang yang berkempen kononnya pergi sana sini, ada yang mengguna kedudukan dalam kerajaan untuk kepentingan diri, jadi kita buat keputusan ini.

"Kita akan awasi, kalau ada usaha untuk menggunakan kuasa kerajaan untuk kepentingan diri, mungkin kita buat keputusan orang ini tidak boleh bertanding," katanya.

Beliau berkata menteri-menteri dari Umno yang mempunyai tugas rasmi di negeri-negeri tidak dibenarkan membuat perjumpaan dengan bahagian-bahagian kecuali dengan bahagian sendiri.

Ketika ditanya sama ada peraturan baru tempoh berkempen itu dibuat bagi menghadapi kemungkinan berlakunya perebutan sengit terutama bagi jawatan naib presiden dan anggota Majlis Tertinggi, Dr Mahathir berkata banyak perkara lain yang perlu UMNO hadapi seperti perayaan ulangtahun ke-50 parti.

"Lagipun, tak begitu penting kita nak berkempen berbulan-bulan...buat kerja lain tak ada, dok kempen sahaja.

"Kita akan meminta supaya ahli-ahli Umno tidak memilih mereka yang menggunakan cara yang tidak dizinkan," katanya.

Beliau berkata mereka yang melanggar peraturan itu akan diambil tindakan tegas oleh jawatankuasa disiplin, yang akan turut mengawasi segala surat layang yang memburuk-burukkan mana-mana pihak.

"Saya dengar ada surat layang (tapi) saya tak pernah baca," katanya.

Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat berkata senarai pencalonan untuk jawatan parti itu akan dihantar ke semua bahagian dan negeri-negeri setelah tamat tempoh pendaftaran selama sebulan itu.

Mesyuarat yang berjalan hampir tiga setengah jam itu turut membincangkan persiapan ulangtahun ke-50 Umno termasuk meminta anggota-anggota parti mengibarkan bendera Umno di sepanjang laluan acara

larian Umno.

Dr Mahathir berkata bahagian-bahagian tidak dibenarkan menganjurkan jamuan sambutan ulangtahun itu bagi mengelakkan salahguna wang pungutan derma.

Pada persidangan berita itu, Dr Mahathir menunjukkan sebuah mangkuk kristal yang dihadiahkan kepada Umno sempena ulangtahunnya oleh Parti Fine Gael -- parti yang memegang majoriti dalam kerajaan Ireland. Seorang pemimpin kanan parti itu Michael Noonan, yang juga Menteri Kesihatan, menyerahkan hadiah itu ketika melawat Malaysia baru-baru ini.

Mesyuarat itu juga bersetuju menarik balik pergantungan yang dibuat terhadap Umno Bahagian Batu Gajah dan Tanjung bagi mereka membolehkan menjalankan kegiatan seperti biasa. Kedua-dua bahagian itu digantung setelah berlaku masalah ketika pemilihan bahagian diadakan. -- Bernama

AZZ ARA AHH